

Nasihat PM kepada kerajaan negeri

B.H 2SEP 1993

# Usah musuhhi Pusat

Oleh Mutazar Abd Ghani

KUCHING, Rabu — Pemimpin negeri yang mengamalkan sikap berkonfrontasi dan enggan mewujudkan hubungan baik dengan Kerajaan Pusat, akan membantutkan proses pembangunan selain merugikan penduduknya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, walaupun kerajaan negeri mempunyai kuasa tertentu, namun jika disalahgunakan ia menyebabkan percanggahan di antara Pusat dan negeri yang akan menjejaskan proses pentadbiran dan pembangunan.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, jika sesebuah negeri itu bekerjasama serta mempunyai persefahaman dengan Pusat, ia dapat membantu melicinkan pentadbiran dan memesatkan pembangunannya.

Beliau berkata, dengan mempunyai hubungan baik, segala masa, tenaga dan wang juga dapat ditumpukan sepenuhnya ke arah usaha membangunkan negeri.

"Ini terbukti dengan kejayaan pemimpin Sarawak membangunkan negerinya dengan lebih pesat berbanding jirannya, Sabah.

"Pembangunan di Sarawak begitu pesat sekali berbanding jirannya dan ini sudah tentu memberi banyak manfaat kepada rakyatnya. Ini dapat dicapai apabila kita tidak membazir masa, tenaga dan wang, serta tidak berkonfrontasi dan mahu mewujudkan hubungan baik dengan Pusat.

"Saya percaya semua orang nampak bahawa hubungan rapat di antara Kerajaan Pusat dan Sarawak berjaya membantu mempercepatkan pembangunan di negeri ini," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, sebelum berlepas ke Labuan dalam perjalanan ke Pulau Layang-Layang, pagi ini.

Dr Mahathir berada di sini sejak dua hari lalu bagi menghadiri sambutan Hari Kebangsaan ke-36 yang julung kali diadakan di sini.

Sebaliknya, Perdana Menteri berkata, Sabah nampaknya lebih menumpukan kepada pendirian politik dan memainkan isu 'Sabah untuk Sabah' kerana mereka berpendapat dengan berbuat demikian ia dapat membantu menjadi popular di kalangan rakyat.

Katanya, pemimpin negeri itu juga tidak begitu mengambil berat mengenai soal pentadbiran dan pembangunan kerana tumpuan mereka lebih kepada sentimen kenegerian, yang menggambarkan Sabah seolah-olah berada berada di luar Malaysia.

"Bagaimanapun, sentimen dimainkan itu tidak berjaya membantu membangunkan negeri ini.

"Sebaliknya, Sarawak menjadi lebih popular dan maju kerana kecekapan dan kebolehannya yang kesan dari segi

# Mahathir masih ragu niat Sabah

**DARI MUKA 1**

pentadbiran. \*

"Sebagai sebuah negara berbentuk Persekutuan, setiap kerajaan negeri mempunyai kuasa tertentu. Namun, jika disalahgunakan ia menyebabkan percanggahan di antara Pusat dan negeri yang akan menjejaskan proses pentadbiran dan pembangunan," katanya.

Ditanya usaha Sabah untuk mewujudkan hubungan lebih erat dengan Pusat, Dr Mahathir berkata, berdasarkan pengalaman sebelum ini usaha berkenaan tidak menampilkan unsur kejujuran.

"Saya terpaksa mengakui setelah kita memerhatikan cara mereka bermain politik ketika pilihan raya, saya berasa ragu-ragu sama ada mereka benar-benar berniat baik untuk berbaik-baik dengan Pusat," katanya.

Kepada soalan lain, Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak mempunyai banyak masalah dalam soal sempadan dengan Indonesia (Kalimantan) kerana kedua-dua pihak sudah menetapkan tempat tertentu untuk digunakan sebagai tempat menyeberangi sempadan.

Selain itu, menurutnya, kedua-dua negara juga mempunyai Jawatankuasa Sempadan dan perhubungan lain yang rapat di antara satu sama lain.

"Bagaimanapun, jika kita ada peluang mengadakan kerjasama sama ada secara formal atau sebaliknya, kita boleh ada," katanya.